

MELAKAR WAJAH BAHARU PERKHIDMATAN AWAM

08



PRINSIP PEMANGKIN KECEMERLANGAN



"Peranan dan pendekatan kerajaan juga harus turut berbeza. Hari ini, bukan lagi kerajaan yang menentukan segalanya, tetapi bergerak seiringan membina rangkaian, memudahcara perkhidmatan, melestarikan pertumbuhan dan memfokus kepada keberhasilan dengan matlamat akhirnya keharmonian dan perpaduan"

Mendepani realiti baru yang penuh cabaran dan tribulasi, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional sebagai peta hala tuju negara dalam iltizam menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi - *a high income advanced economy* - yang merentas spektrum dan menjunjung inklusiviti. Kerajaan turut melancarkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sebagai pelonjak akhir meletakkan Malaysia dalam liga negara maju mengikut acuannya sendiri. Sementara kemampuan berdaya saing dan keupayaan meningkatkan pertumbuhan terus menjadi indeks kemajuan, aspek kesejahteraan rakyat melalui kesaksamaan pengagihan turut menjadi penandaarasan baharu pencapaian ekonomi. Maka *Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat* menjadi mantera yang mengiringi prakarsa RMKe-11 yang telah dibentangkan itu.

Kendatipun demikian, ikhtiar merencana dan menjuarai agenda transformasi tidak semudah melangkah di atas hamparan permaidani. Kejayaan inisiatif mega ini menuntut usaha 'mencipta semula' perkhidmatan awam selaku enjin yang akan meluncurkan RMKe-11 ke destinasi yang diidamkan. Peranan perkhidmatan awam selaku pemegang amanah pertiwi dan penggerak kemajuan ekonomi akan terus relevan dan kritikal dalam merealisasikan cita-cita negara. Wajah baharu perkhidmatan perlu diwarnai dengan pembudayaan tadbir urus yang profesional dan pembinaan keperibadian berlandaskan prinsip dan etosnya sendiri.




Menginsafi bahawa kejayaan agenda transformasi terletak di atas jemala perkhidmatan awam, maka YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri telah mengilhamkan lapan prinsip unggul sebagai pedoman penjawat awam dalam menunaikan amanah murni itu. Prinsip-prinsip tersebut ialah **Budaya Keilmuan; Kebolehpercayaan; Amalan Kerja Terbaik; Semangat Patriotik; Budaya Keberhasilan; Kreativiti dan Inovasi; Nilai Tambah dan Kompetensi; dan Permuafakatan Kerja**. Fundamental kepada pewujudan perkhidmatan awam terunggul - *public service par excellence* - ialah penghayatan dan pembudayaan kesemua prinsip imperatif ini dalam setiap diri penjawat awam.

'Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam: Lapan Prinsip Pemangkin Kecemerlangan' ditampilkan sebagai rakaman pemikiran, gagasan dan pengharapan kepimpinan tertinggi negara untuk melihat perkhidmatan awam negara terus gagah dan relevan mengharungi tuntutan masa. Karya ini menyingkap wacana dan garapan pemimpin negara tentang prinsip dan kepercayaan yang perlu didakap kukuh oleh para penjawat awam dalam menggalas kepercayaan rakyat menzahirkan cita-cita keramat. Hujah dan perbahasan diolah untuk memberi pencerahan dan interpretasi, sambil merungkai makna agar falsafah prinsip-prinsip ini difahami, dihayati dan kekal tersemat di sanubari. Adalah menjadi harapan agar buku ini dapat melebarkan horizon keilmuan, dan membina budaya baharu penjawat awam ke arah penyampaian perkhidmatan yang benar-benar dirasai dan memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.



Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Kampus Utama INTAN Bukit Kiara
Jalan Bukit Kiara
50480 Kuala Lumpur



 www.intanbk.intan.my
 03-2084 7777
 03-2084 7368

ISBN 978-983-3109-79-1

